

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir terperinci bil-bil elektrik dan air untuk kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk tahun 2013.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kompleks Seri Perdana yang dibina di atas tanah seluas 42.5 ekar adalah merupakan kediaman rasmi YAB Perdana Menteri yang terdiri daripada 3 komponen iaitu galeri orang ramai, protokol dan kediaman. Manakala Kompleks Sri Satria pula yang di bina atas tanah seluas 18.16 ekar diperuntukkan sebagai kediaman rasmi YAB Timbalan Perdana Menteri.

Bersesuaian dengan taraf sebagai kediaman rasmi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana dan Kompleks Sri Satria turut dilengkapi dengan kemudahan ruang pejabat, bilik-bilik mesyuarat, bilik tetamu serta kemudahan-kemudahan sokongan yang lain bagi membantu melancarkan urusan harian YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri selaku pemimpin utama Negara.

Kompleks Seri Perdana dan Kompleks Sri Satria juga merupakan lokasi bagi penganjuran majlis-majlis rasmi Kerajaan, mesyuarat dan majlis meraikan tetamu kehormat serta pembesar negara mahu pun pemimpin tertinggi luar negara oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, Kompleks Seri Perdana juga dibuka kepada orang Ramai untuk tujuan lawatan dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan itu, bagi Kompleks Seri Perdana adalah sebanyak **RM2,084,218.80** dibelanjakan untuk pembayaran bil elektrik dan sebanyak **RM221,325.08** untuk bil air manakala bagi Kompleks Sri Satria adalah sebanyak **RM855,880.56** dibelanjakan untuk pembayaran bil elektrik dan sebanyak **RM112,274.92** untuk bil air sepanjang tahun 2013.

Sekian. Terima kasih.